



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 34/2012 (19 hingga 25 Ogos 2012)

Pada minggu ke-34 tahun 2012 iaitu bagi tempoh 19 hingga 25 Ogos, sejumlah 298 kes demam Denggi telah dilaporkan berbanding 332 kes pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Pengurangan jumlah kes yang dilaporkan kemungkinan dipengaruhi oleh cuti musim perayaan, yang mana ramai masyarakat pulang bercuti ke kampung. Majoriti dari masyarakat apabila mereka mengalami demam semasa perayaan, mereka akan menanggung untuk mendapat rawatan segera. Walaupun kes berkurangan, namun enam (6) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Negeri Sembilan meningkat sebanyak 9 kes (69.2%), Pahang 4 kes (50%), Melaka 2 kes (66.7%), Sabah 2 kes (18.2%), Terengganu 2 kes (16.7%) dan Johor meningkat sebanyak 2 kes (7.4%).

Jumlah terkumpul kes Denggi dari Januari sehingga 25 Ogos 2012 adalah 14,542 kes, meningkat sebanyak 10% atau 1,286 kes berbanding 13,256 kes bagi tempoh yang sama tahun lepas manakala jumlah kematian adalah sebanyak 26 kematian, meningkat empat (4) kematian (18%) berbanding 22 kematian pada tahun 2011.

Sejumlah 51 lokaliti mengalami wabak di seluruh negara melibatkan 15 daerah dan tiada lokaliti *hot spots* dilaporkan. Daripada pemantauan KKM, terdapat beberapa negeri yang mempunyai risiko jangkitan dan kadar pembiakan Aedes yang tinggi iaitu Perlis (6%), Kedah (2%), Selangor (1.7%), Pulau Pinang (1.7%) dan WP Kuala Lumpur (1.6%). Disamping itu berlaku juga, peningkatan lokaliti wabak Denggi iaitu di Seremban meningkat sebanyak 6 lokaliti berbanding 2 lokaliti pada minggu sebelumnya, manakala Klang meningkat dari 3 lokaliti kepada 6 lokaliti. Oleh itu masyarakat diminta supaya sentiasa memberikan kerjasama dan memberikan komitmen untuk menjaga kebersihan persekitaran kawasan kediaman.

Masyarakat kini telah ramai balik ke rumah masing-masing setelah bercuti sempena Aidilfitri. Pastikan anda meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk memeriksa dan membersihkan persekitaran rumah terutama bekas atau takungan yang boleh menjadikan tempat pembiakan nyamuk Aedes. Bagi mereka yang berada di kawasan wabak denggi, berilah kerjasama kepada pemimpin masyarakat dengan bersama-sama menjayakan aktiviti gotong royong yang dijalankan di tempat anda.

DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

27 Ogos 2012

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 34/2012
(19 hingga 25 Ogos 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 34/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 34/2011
		Minggu 34 (19 - 25 Ogos 2012)	Minggu 33 (12 - 18 Ogos 2012)		
1	Perlis	1	2	129	68
2	Kedah	14	24	577 (3)	319
3	P. Pinang	6	12	551 (1)	1,252 (2)
4	Perak	16	24	1,043 (4)	838 (2)
5	Selangor	107	114	6,399 (11)	5,074 (5)
6	WPKL & Putrajaya	8	21	1,306 (3)	1,235 (1)
7	N. Sembilan	22	13	329 (1)	515 (1)
8	Melaka	5	3	350	275
9	Johor	29	27	1,099 (1)	1,129 (5)
10	Pahang	12	8	441 (1)	628 (1)
11	Terengganu	14	12	533	459 (1)
12	Kelantan	18	22	775	489 (1)
13	Sarawak	33	39	673	672
14	Sabah	13	11	329 (1)	294 (2)
15	WP Labuan	0	0	8	9
	MALAYSIA	298	332	14,542 (26)	13,256 (21)

Nota: () Kematian